

18 NOV 1996
Nik Aziz-Kerjasama
PAS SEDIA TIMBANG SYARAT UMNO

KOTA BAHARU, 18 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata Pas bersedia menimbang sebarang syarat yang ditetapkan oleh kepimpinan Umno untuk membentuk kerajaan campuran Pas-Barisan Nasional di Kelantan.

"Saya tidak tahu syarat yang ada dalam pemikiran Umno, jadi kita tunggulah syarat mereka," kata beliau.

"Dalam sesuatu rundingan memanglah ada syarat...Bila kita telah dengar syarat mereka, barulah kita juga kemukakan syarat kita pula. Kalau dirasakan ada yang lebih, kita bincanglah selanjutnya."

Nik Aziz berkata beliau optimis yang cadangan bagi penubuhan kerajaan campuran itu dapat dilaksanakan.

"Tiap-tiap perkara yang kita sebut itu kita optimis (untuk melaksanakannya), tak bolehlah kita buat acuh-tak-acuh," kata beliau kepada pemberita hari ini.

Bagi membuktikan kerajaan negeri Kelantan serius mengenai perkara itu, cadangan itu kini telah dimaklumkan kepada kepimpinan Pas pusat, kata Nik Aziz yang juga Murshid Am Pas.

"Terpulanglah kepada Pas pusat untuk menimbangkannya," katanya.

Cadangan pembentukan kerajaan campuran itu timbul akhir-akhir ini sebagai satu jalan mengatasi krisis politik yang berlarutan di negeri ini ekoran perpecahan Pas dengan Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang telah dibubarkan dan hubungan yang renggang antara Nik Aziz dan Istana.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak begitu optimis cadangan itu dapat dilaksanakan tetapi beliau bersedia berbincang dengan Pas berhubung perkara itu.

Ketika ditanya tentang syarat utama Pas bagi memastikan kerjasama itu menjadi kenyataan, Nik Aziz berkata seperti yang dijelaskannya banyak kali sebelum ini, kerajaan pusat mesti memastikan konsep keislaman yang telah dilaksanakan di Kelantan tidak akan terjejas.

"Kalau kita bergabung atau bersatu tujuan Pas ialah untuk menegakkan nilai keislaman yang telah kami buat di Kelantan," katanya.

Nik Aziz juga menyambut baik kesediaan Dr Mahathir untuk menerima undangan kerajaan negeri bagi mengadakan lawatan rasmi ke Kelantan.

Beliau menyerahkan kepada kerajaan pusat bagi menetapkan tarikh yang sesuai.

Di SHAH ALAM, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed berkata pemimpin Pas mestilah terlebih dahulu menghentikan segala bentuk serangan terhadap Umno dan Barisan Nasional sekiranya mereka benar-benar berminat bekerjasama dengan Umno di peringkat negeri Kelantan.

Beliau berkata Umno sentiasa mengamalkan sikap terbuka dan sanggup berbincang dengan pihak berkenaan asalkan ada keikhlasan.

"Yang paling penting ialah mereka hendaklah bersedia menunjukkan keikhlasan untuk bekerjasama kerana kita tidak mahu tersebunyi sebarang muslihat," kata Mustapa yang juga Anggota Parlimen Jeli.

Di ALOR SETAR, Presiden Pas Haji Fadzil Noor berkata Pas Pusat mahu melihat penerimaan Umno berhubung cadangan itu dan sekiranya Umno memberi respons yang positif, Pas Pusat akan meminta Pas Kelantan mengemukakan butirannya.

"Kita (Pas Pusat) bersedia untuk membincangkan cadangan itu...kita memang mempunyai sikap yang terbuka. Jadi kita kini menunggu perkembangan di Kelantan," katanya kepada pemberita di rumahnya di sini.

Fadzil berkata, cadangan itu tidak pernah dibangkit pada mesyuarat Pas Pusat sebelum ini dan ia belum mengeluarkan sebarang arahan kepada Pas Kelantan berhubung dengan perkara itu.

Menurutnya, Pas Pusat perlu mengkaji cadangan itu dengan teliti bagi menganalisis skop kerjasama dan tidak mahu membuat keputusan yang terburu-buru.

"Kita perlu bincang dahulu ... mengkaji kesannya. Kesannya nanti tidak sahaja terbatas kepada Kelantan malahan ia juga boleh melibatkan parti keseluruhannya.

Beliau berkata Pas juga perlu berhati-hati dalam menangani cadangan membentuk kerajaan campuran itu.

"Sebagaimana Perdana Menteri menyebut bahawa Umno sudah mempunyai pengalaman bekerjasama dengan Pas dan perlu berhati-hati, Pas juga mempunyai pengalaman dengan Umno dan saya percaya kita juga perlu berhati-hati dalam hal ini." -- BERNAMA

MFJ NMO